

Tidak salah memanggil sidang Dewan Rakyat sebelum kabinet dibentuk

Perlembagaan dipatuhi

UM 23 DEC 1999

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan NORAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR 22 Dis. — Pengamal undang-undang berpendapat keputusan kerajaan memanggil persidangan Dewan Rakyat sebelum pembentukan kabinet baru-baru ini tidak melanggar aturan urusan mesyuarat atau mencabuli Perlembagaan Negara.

Tindakan menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan notis memanggil mesyuarat Parlimen, menurut mereka, adalah perkara biasa, yang boleh dilakukan oleh Perdana Menteri sebuah kerajaan sementara.

Penjelasan tersebut menghapuskan kekeliruan mengenai insiden kekecohan pada hari pertama persidangan Parlimen ke-10 Isnin lalu.

Dalam kejadian itu, kesemua 43 ahli Parlimen pembangkang yang hadir bertindak keluar Dewan sebagai membantah notis mesyuarat tersebut kerana mendakwa ia dikeluarkan secara tidak sah kerana ketika itu kabinet baru belum dibentuk.

Peguam Salleh Buang berkata, lazimnya bagi sebuah negara demokrasi, Yang di-Pertuan Agong perlu mendapat nasihat daripada pengerusi kabinet atau menteri kabinet sebelum mengeluarkan notis memanggil sidang Parlimen.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mempunyai alasan yang boleh diterima apabila mengemukakan fakta kuasa kerajaan sementara *caretaker government* dalam soal berkaitan," katanya hari ini.

Notis

Bekas Profesor Madya Kuliyyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA) itu seterusnya berkata, peranan kerajaan sementara memanglah terhad tetapi Perdana Menteri boleh menasihati Yang di-Pertuan Agong berhubung notis memanggil mesyuarat tersebut.

Beliau menekankan, fakta kewujudan kerajaan sementara tidak boleh diabaikan begitu sahaja seolah-olah tidak ada kerajaan langsung dari tempoh pembubaran parlimen sehingga kabinet baru ditubuhkan.

Sebagai perbandingan, Salleh menarik perhatian kes yang berlaku di India ialah kerajaan semmentaranya berjalan selama enam bulan.

Jadi dalam kes Malaysia, keadaannya adalah 'lebih bagus' kerana tempoh kerajaan sementara adalah singkat sahaja.

Pada pilihan raya umum 29 November lalu, Barisan Nasional mengulangi kejayaan lebih dua pertiga, membolehkannya terus memerintah negara.

Bagi persidangan Dewan Rakyat sekarang, Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan notis memanggil mesyuarat pada 13 Disember, dua hari sebelum Perdana Menteri membentuk kabinet.

■ Lihat muka 5

Perlembagaan dipatuhi

UM 23 DEC 1999

Presiden Persatuan Peguam-peguam Muslim, Zaitoon Othman, pula menegaskan kewujudan kerajaan sementara memang disebut dalam Perlembagaan dan diterima pakai oleh negara-negara demokrasi.

“Memang ada prosedur tertentu (berhubung kerajaan sementara),” katanya.

Menurut beliau lagi, mengikut Perkara 40 Perlembagaan, Yang di-Perutusan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat.

“Dalam hal ini, nasihat itu diberikan oleh jemaah menteri atau seorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am jemaah menteri dalam menjalankan tugasnya,” kata beliau.

Zaitoon menarik perha-

tian, persetujuan ahli-ahli Parlimen pembangkang mengangkat sumpah biar pun pada mulanya menunjukkan bantahan, telah menjadikan mesyuarat Dewan Rakyat mengikut aturan yang ditetapkan.